



MOHAMED KHALED NORDIN (kiri) melancarkan Dana Wakaf Tunai Pendidikan UTHM sempena Majlis Iftar Perdana di Masjid Sultan Ibrahim UTHM, Sri Gading, Batu Pahat, Johor, semalam.

Usaha tingkatkan kesejahteraan hidup

Wakaf agenda utama

Oleh **MUHAMAD AIMY AHMAD**

utusan.johor@gmail.com

■ **BATU PAHAT 7 JUN**

KERAJAAN negeri bertekad untuk mengutamakan wakaf sebagai agenda terpenting yang mampu memberi kelebihan serta meningkatkan kesejahteraan sosial termasuk dalam bidang pendidikan supaya menjadi budaya dan identiti rakyatnya.

Menteri Besar, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin berkata, usaha itu selari dengan langkah kerajaan negeri mahu membudayakan tabiat memberi dan menyumbang ke arah kebaikan sosial.

“Apabila universiti awam termasuk Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) memilih untuk memberi penekanan serius dalam amalan wakaf, ia se-

cara tidak langsung mengajak masyarakat untuk membudayakannya kerana usaha universiti ini akan memberi manfaat kepada penuntutnya dan selari dengan aspirasi kerajaan negeri.

“Bagi saya, adalah sesuatu yang mengaibkan kepada kita jika ada anak Johor yang terpaksa melepaskan peluang pendidikan termasuk menuntut di universiti hanya kerana desakan hidup dan masalah kewangan,” katanya semasa melancarkan Dana Wakaf Pendidikan UTHM dan Majlis Iftar Perdana di Masjid UTHM, semalam.

Yang turut hadir, Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Ab. Aziz Kaprawi; Pengerusi Jawatankuasa Agama negeri, Abd. Mutalip Abd. Rahim dan Naib Canselor UTHM, Prof. Dr. Wahid Razally.

Pada majlis itu, Mohamed Khaled turut menyaksikan penyerahan sumbangan daripada Bank Mua-

malat Malaysia Berhad sebanyak RM100,000, Celcom Axiata serta Azemi Mahat Group Berhad masing-masing berjumlah RM50,000 kepada Dana Wakaf Pendidikan UTHM.

Beliau berkata, UTHM juga telah diberikan status Nazir Khas Dana Wakaf Tunai Pendidikan oleh Majlis Agama Islam Negeri Johor (MAINJ) pada 26 Januari lalu bagi menghilangkan sebarang kekangan atau kesukaran yang wujud bagi pihak UTHM terutamanya dalam meyakinkan masyarakat untuk menyumbang kepada dana berkenaan.

Sementara itu, Wahid berkata, UTHM menasarkannya dapat mengumpul dana sebanyak RM2 juta hingga hujung tahun ini menerusi tabung wakaf berkenaan untuk dilaburkan ke dalam instrumen patuh syariah supaya faedah dan keuntungan hasil daripada pelaburan itu dapat diagih-agihkan kepada penerima.